

PERLEMBAGAAN BAGI
BADAN KEBAJIKAN DAN KHAIRAT KEMATIAN TAMAN JASMIN KAJANG
SELANGOR

(PPM-001-10-04041995)

Fasal 1 NAMA

Nama Pertubuhan ini ialah BADAN KEBAJIKAN DAN KHAIRAT KEMATIAN TAMAN JASMIN, KAJANG, SELANGOR atau ringkasnya BKKK Taman Jasmin dan selepas ini disebut Pertubuhan

Fasal 2 ALAMAT DAN TEMPAT URUSAN

Alamat dan tempat urusan Pertubuhan ini ialah Surau Taman Jasmin, Jalan Jasmin 23, Taman Jasmin, 43000 Kajang atau dilain tempat atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa. Alamat dan tempat urusan Pertubuhan tidak boleh diubah dengan tidak dibenarkan terlebih dahulu oleh Pendaftar Pertubuhan

Fasal 3 TUJUAN

Tujuan Pertubuhan ini ialah untuk :-

- (1) Menguruskan segala perkara dan menghulurkan derma yang berkaitan dengan kematian.
- (2) Memberi sumbangan sama ada dalam bentuk tenaga kerja, bantuan kewangan dan sebagainya kepada setiap ahli yang dilanda musibah.
- (3) Mengeratkan lagi hubungan silatul-rahim, rasa kejiiran, memupuk semangat bekerjasama dan masyarakat penyayang dikalangan penduduk islam Taman Jasmin

Fasal 4 KEAHLIAN

- (1) Keahlian Pertubuhan adalah terbuka kepada seluruh penduduk Islam di Taman Jasmin, Kajang, Selangor yang berumur tidak kurang daripada 16 tahun dan tidak lebih daripada 60 tahun.
- (2) Setiap ahli mempunyai hak yang sama keatas Pertubuhan ini.
- (3) Seseorang yang ingin menjadi ahli hendaklah memohon dan mendaftarkan namanya, nama-nama tanggungannya, lengkap dengan umur dan alamat kepada Setiausaha.
- (4) Borang permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah disertakan dengan bayaran pendaftaran sebanyak RM 20.00 (RM : Dua Puluh Sahaja) dan yuran tahunan bagi membolehkan seseorang itu diterima menjadi ahli Pertubuhan.
- (5) Ahli yang berpindah boleh meneruskan keahliannya selagi ia mematuhi peruntukan yang ditetapkan didalam Undang-Undang Pertubuhan.

- (6) Apabila seseorang ahli meninggal dunia maka keahlian Pertubuhan adalah secara terus disambung oleh waris ahli yang terhampir.
- (7) Tempoh untuk mendapatkan bayaran manfaat ahli adalah selama satu tahun selepas mendaftar menjadi ahli. Sebarang tuntutan sebelum tempoh tersebut adalah tidak dibenarkan.
- (8) Sekiranya ahli mempunyai pasangan, pasangan ahli tersebut akan dikenali sebagai ahli bersekutu. Ahli bersekutu layak untuk dilantik menjadi ahli jawatankuasa.
- (9) Sekiranya pemohon ingin mendaftar menjadi ahli baru dan usianya kurang atau hampir berusia 60 tahun, mereka perlu membayar yuran tahunan sepanjang 10 tahun. Selepas itu ahli tersebut ditawarkan untuk menjadi ahli seumur hidup. Bayaran untuk menjadi ahli seumur hidup adalah sebanyak RM350.00 (Ringgit : Tiga Ratus Lima Puluh Sahaja). Tetapi sekiranya ahli tersebut tidak berminat untuk menjadi ahli seumur hidup, ahli tersebut perlulah membayar yuran tahunan seperti biasa.
- (10) Manakala ahli yang sedia ada telah berusia 60 tahun, ahli tersebut juga ditawarkan untuk menjadi ahli seumur hidup. Bayaran untuk menjadi ahli seumur hidup adalah sebanyak RM350.00 (Ringgit : Tiga Ratus Lima Puluh Sahaja). Tetapi sekiranya ahli tersebut tidak berminat untuk menjadi ahli seumur hidup, ahli tersebut perlulah membayar yuran tahunan seperti biasa.

Fasal 5 **KAWASAN KEBAJIKAN**

- (1) Kawasan kebajikan yang diliputi adalah kawasan perumahan Taman Jasmin, Kajang.

Fasal 6 **BAYARAN PENDAFTARAN, YURAN TAHUNAN, AHLI SEUMUR HI**

- (1) Setiap pemohon yang diterima menjadi ahli hendaklah membuat bayaran seperti berikut :-
 - (1) Bayaran Pendaftaran : RM 20.00
 - (2) Yuran Tahunan : RM 60.00
 - (3) Ahli Seumur Hidup : RM 350.00
 - (4) Tabung Kebajikan : RM 10.00
 - (5) Apabila berlaku setiap : Jumlah wang tabung yang dikeluarkan kepada ahli/waris kematian dikalangan akan ditanggung sama rata dikalangan ahli yang mendaftar ahli/waris

Fasal 7 **PEMBERHENTIAN MENJADI AHLI**

- (1) Seseorang ahli berhenti keahliannya kerana :-
 - (1) Kegagalan ahli untuk menjelaskan yuran tahunannya selama setahun dengan sengaja walaupun notis peringatan telah pun disampaikan oleh Bendahari.
 - (2) Atas permintaan ahli sendiri secara bertulis.
 - (3) Ahli yang sengaja melanggar undang-undang pertubuhan ini atau berkelakuan tidak

baik sehingga mencemarkan nama baik atau mendatangkan kerugian kepada pertubuhan ini boleh dipecat daripada menjadi ahli oleh mesyuarat jawatankuasa. Sebelum dipecat ahli itu mestilah diberitahu dengan bertulis tentang sebab-sebab dia hendak dipecat dan diberi peluang untuk memberi apa-apa penjelasan yang ada dengan bertulis atau dengan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan khas untuknya. Jika ahli 2/3 ahli-ahli jawatankuasa yang hadir dalam mesyuarat mengundi meyakong pemecatan maka ahli itu dipecat dengan serta merta. Walaupun demikian ahli itu boleh, jika tidak puas hati, merayu kepada mesyuarat agong menurut Fasal 18(3).

- (2) Ahli-ahli yang berhenti atau diberhentikan hendaklah mengangap kesemua yuran atau derma yang diberikan sebagai sumbangan kepada Pertubuhan.

Fasal 8 **FAEDAH-FAEDAH AHLI**

- (1) Mengurus dan menyempurnakan segala perbelanjaan yang melibatkan kematian ahli dan waris-waris ahli atas kadar seperti berikut :-

- (1) Ahli : RM 600.00
- (2) Isteri/Suami : RM 500.00
- (3) Anak : RM 300.00
- (4) Ibu/Bapa Mertua (Ahli) : RM 200.00

Fasal 9 **WARIS-WARIS AHLI**

- (1) Waris-waris ahli yang diliputi adalah terdiri dari :-

- (1) Isteri/Suami
- (2) Anak-anak ahli
- (3) Ibu/Bapa/Mertua Ahli

Fasal 10 **PENTADBIRAN**

- (1) Kuasa yang tertinggi didalam Pertubuhan ini terletak diatas Mesyuarat Agung. Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ahli-ahli hendaklah memilih ahli-ahli jawatankuasa untuk mentadbirkan perjalanan harian Pertubuhan. Mereka ini akan memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Dwi Tahunan yang akan datang. Ahli-ahli jawatankuasa itu mengandungi:-

- (1) Seorang Yang DiPertua
 - (2) Seorang Naib Yang DiPertua
 - (3) Seorang Setiausaha
 - (4) Seorang Penolong Setiausaha
 - (5) Seorang Bendahari
 - (6) Seorang Penolong Bendahari
 - (7) Tujuh Ahli Jawatankuasa Biasa
- (2) Semua ahli yang berkhidmat di dalam jawatankuasa dan tiap-tiap pegawai lain yang menjalankan tugas-tugas eksekutif Pertubuhan ini adalah warganegara Malaysia.
 - (3) Nama-nama untuk jawatan-jawatan diatas hendaklah dicadangkan dan disokong dan

pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan.

- (4) Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa-Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan-kewajipan khas kepada sebarang Ahli Jawatankuasa.

Fasal 11 **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI**

- (1) Yang DiPertua hendaklah menjadi Pengerusi didalam segala mesyuarat jawatankuasa dan mesyuarat agung dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat.
- (2) Naib Yang DiPertua akan membantu Yang DiPertua menyelia urusan pentadbiran Pertubuhan. Dalam masa ketiadaan Yang DiPertua dia akan mempengerusikan mesyuarat dan juga menjalankan tugas Yang DiPertua.
- (3) Setiausaha akan mengurus segala surat-menyurat bagi pihak Pertubuhan, menyimpan segala peringatan-peringatan mesyuarat jawatankuasa dan mesyuarat agung, menjaga buku-buku peringatan tentang perjalanan Pertubuhan, mengadakan buku daftar bagi ahli-ahli dan menjalankan tugas-tugas lain yang patut diselenggarakan oleh Setiausaha. Buku daftar ahli-ahli hendaklah mengandungi butir-butir seperti berikut :-
 - (1) Bil/Siri
 - (2) Nama ahli
 - (3) Tarikh menjadi ahli
 - (4) Umur/Tarikh Lahir
 - (5) No. Kad Pengenalan
 - (6) Alamat
 - (7) Pekerjaan
 - (8) Nama-nama tanggungan
 - (9) Nama waris
- (4) Penolong Setiausaha akan membantu Setiausaha menguruskan pentadbiran Pertubuhan. Dalam masa ketiadaan Setiausaha dia akan menjalankan tugas-tugas Setiausaha.
- (5) Bendahari akan memungut segala yuran pertubuhan, menyimpan buku yuran dan buku kira-kira wang masuk dan keluar serta menyediakan perkara-perkara berikut :-
 - (1) Penyata kira-kira bulanan; dan melaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa.
 - (2) Penyata kira-kira tahunan berakhir pada 31 Disember. Penyata-penyata ini hendaklah diperiksa dan disahkan oleh pemeriksa kira-kira yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan.
 - (3) Bendahari tidak dibenarkan menyimpan wang tunai ditangannya lebih daripada RM1,000.00 (RM : Satu Ribu Sahaja) pada satu-satu ketika.
 - (4) Semua wang yang lebih daripada itu hendaklah dimasukkan kedalam Bank yang telah dipersetujui oleh jawatankuasa. Kira-kira Bank itu hendaklah diatas nama Tabung Khairat kematian Taman Jasmin Kajang.
 - (5) Bertanggungjawab berkenaan dengan segala wang yang diterima dan dibayar serta diberi kuasa menandatangani cek-cek bagi pihak Pertubuhan bersama-sama dengan Yang Dipertua atau Setiausaha.

(6) Penolong Bendahari akan membantu Bendahari menguruskan kewangan Pertubuhan. Dalam masa

ketiadaan Bendahari dia akan menjalankan tugas-tugas Bendahari.

(7) Ahli-ahli jawatankuasa biasa hendaklah hadir didalam mesyuarat dan membantu pegawai-pegawai lain yang di atas itu menjalankan tugas-tugas mereka.

Fasal 12 **KEWANGAN**

(1) Sumber kewangan Pertubuhan adalah daripada :-

(1) Bayaran pendaftaran, yuran tahunan ahli dan bayaran-bayaran lain sebagaimana Fasal 6(1).

(2) Sumbangan derma daripada agensi kerajaan, swasta, pertubuhan lain atau orang-orang perseorangan.

(2) Wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuk belanja pentadbiran.

Fasal 13 **MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN**

(1) Mesyuarat Agung Dwi Tahunan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin selepas berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 30hb. Jun, tiap-tiap tahun. Notis mesyuarat termasuk salinan laporan tahunan dan penyata kira-kira yang telah diperiksa oleh pemeriksa kira-kira yang diluluskan oleh Pendaftar bagi tahun yang lalu hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum diadakan mesyuarat.

(2) Perkara-perkara yang hendak diuruskan dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ialah :-

(1) Mengesahkan minit-minit mesyuarat yang lalu.

(2) Menerima laporan jawatankuasa berkenaan kerja-kerja Pertubuhan didalam tahun yang lalu.

(3) Menerima penyata kira-kira bagi tahun yang lalu.

(4) Melantik ahli-ahli jawatankuasa dan pemeriksa kira-kira untuk setiap dwi-tahunan.

(5) menguruskan lain-lain perkara yang dibentangkan didalam mesyuarat itu.

(3) Mesyuarat Agung Dwi Tahunan hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang dari dua kali ganda jumlah ahli-ahli jawatankuasa.

Fasal 14 **MESYUARAT AGUNG KHAS**

(1) Mesyuarat Agung Khas hanya boleh diadakan pada bila-bila masa apabila difikirkan mustahak oleh mesyuarat jawatankuasa atau mestilah diadakan oleh Setiausaha dalam tempoh 30 hari setelah menerima permintaan bertulis yang ditandatangani beramai-ramai oleh tidak kurang dari 1/5 dari jumlah ahli yang menerangkan sebab-sebab hendak diadakan mesyuarat itu.

- (2) Notis dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum diadakan mesyuarat.
- (3) Mesyuarat Agung Khas hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang dari dua kali ganda jumlah ahli-ahli jawatankuasa.

Fasal 15 MESYUARAT JAWATANKUASA

- (1) Mesyuarat jawatankuasa hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua bulan sekali dan boleh diadakan juga pada bila-bila masa, jika difikirkan perlu oleh Yang DiPertua.
- (2) Notis dan agenda untuk mesyuarat jawatankuasa hendaklah diedarkan kepada semua ahli jawatankuasa sekurang-kurangnya 7 hari sebelum diadakan mesyuarat.
- (3) Mesyuarat jawatankuasa hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh tidak kurang dari setengah jumlah ahli-ahli jawatankuasa.

Fasal 16 PEMECATAN JAWATANKUASA

- (1) Ahli jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan disifatkan sebagai meletakkan jawatan didalam Jawatankuasa.
- (2) Pemecatan ahli-ahli jawatankuasa dan pilihan penggantinya boleh dilakukan didalam Mesyuarat Agung Khas.
- (3) Mesyuarat jawatankuasa boleh melantik pemangku bagi jawatan-jawatan yang kosong kerana ahli-ahli jawatankuasa yang berhenti atau meninggal dunia.

Fasal 17 PEMERIKSA KIRA-KIRA

- (1) Dua orang yang bukannya ahli-ahli jawatankuasa hendaklah dilantik didalam tiap-tiap Mesyuarat Agung Dwi Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-Kira.
- (2) Mereka dikehendaki memeriksa kira-kira pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan untuk Mesyuarat Agung Dwi Tahunan.
- (3) Mereka juga boleh memeriksa kira-kira pertubuhan pada bila-bila masa juga jika difikirkan perlu oleh Yang DiPertua.
- (4) Sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap tahun kira-kira pertubuhan hendaklah dikemukakan untuk diaudit oleh seorang juruaudit yang diluluskan terlebih dahulu oleh Pendaftar Pertubuhan.

Fasal 18 PERKARA-PERKARA AM

- (1) Tiap-tiap ahli hendaklah diberi percuma satu salinan undang-undang pertubuhan ini

- apabila diterima menjadi ahli. Orang-orang lain sama ada ahli atau tidak, boleh diberi satu salinan undang-undang berdaftar pertubuhan ini apabila diminta dan dibayar wang sebanyak tidak lebih daripada RM10.00 (RM : Sepuluh Sahaja).
- (2) Buku-buku pertubuhan ini dan daftar ahli-ahlinya boleh diperiksa oleh sebarang ahli atau seseorang yang mempunyai sesuatu kepentingan dalam kumpulan wang pertubuhan dengan syarat memberitahu Setiausaha tujuh hari terlebih dahulu.
 - (3) Ahli-ahli yang ada kemusykilan terhadap pegawai-pegawai pertubuhan atau pertubuhan ini boleh mengemukakan kemusykilannya didalam mesyuarat agung dan keputusan mesyuarat agung adalah muktamad. Bekas ahli dan mereka yang ada bersangkutan dengan pertubuhan ini boleh mengemukakan kemusykilannya ke dalam mesyuarat agung melalui ahli pertubuhan.
 - (4) Sesuatu perbelanjaan yang tidak lebih daripada RM500.00 (RM : Lima Ratus Sahaja) boleh bolehlah dibenarkan oleh Bendahari bersama-sama dengan Yang DiPertua atau Setiausaha dan disahkan didalam mesyuarat jawatankuasa kemudiannya.
 - (5) Sesuatu perbelanjaan yang lebih daripada RM500.00 (RM : Lima Ratus Sahaja) tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan terlebih dahulu oleh mesyuarat jawatankuasa dan sesuatu perbelanjaan yang lebih daripada RM2,000.00 (RM : Dua Ribu Sahaja) tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan terlebih dahulu oleh mesyuarat agung.
 - (6) Bagaimanapun pembayaran faedah ahli yang ditetapkan dalam Fasal 8(1) diatas tidak tertakluk kepada sekatan ini dan boleh dibayar seterusnya jika syarat-syarat mendapatkan bantuan telah disempurnakan.
 - (7) Satu keluarga yang mempunyai lebih daripada satu orang yang menjadi ahli berdaftar, sekiranya ada berlaku kematian bayaran manfaat hanya boleh dituntut sekali sahaja oleh waris yang terdekat.
 - (8) Yuran untuk tabung kebajikan adalah sebanyak RM 10.00 (RM : Sepuluh Sahaja) setahun, tujuan tabung kabajikan ini diwujudkan adalah untuk meringankan perbelanjaan pentadbiran Pertubuhan.

Fasal 19 **PENGAMANAH**

- (1) Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik didalam mesyuarat agung dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh pertubuhan.
Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap dan pelaburan kumpulan wang pertubuhan.
Seseorang ahli yang memegang jawatan Setiausaha dan Bendahari dalam pertubuhan ini tidak boleh dilantik menjadi Pengamanah.
- (2) Suatu salinan ketetapan melantik seseorang pemegang amanah yang ditandatangani oleh Pengamanah yang dilantik dan disahkan oleh Setiausaha hendaklah dihantar kepada Pendaftar.
- (3) Seseorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh mesyuarat agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada didalam negeri atau atas lain

sebab yang dia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau perlucutan jawatan bagi seseorang Pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang baru dilantik didalam mesyuarat agung.

Fasal 20 **PENAUNG**

Penaung bagi pertubuhan ini akan diputuskan oleh mesyuarat agung. Bagi mereka-mereka yang difikirkan layak dan berwibawa sebagai Penaung. Dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuan secara bertulis.

Fasal 21 **TAFSIRAN**

- (1) Diantara berlangsungnya mesyuarat agung, mesyuarat jawatankuasa boleh memberi tafsiran kepada undang-undang ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung didalam undang-undang ini.
- (2) Keputusan jawatankuasa itu adalah muktamad jika tidak atau sehingga diubah oleh mesyuarat agung.

Fasal 22 **PINDAAN UNDANG-UNDANG**

- (1) Segala pindaan kepada undang-undang ini hendaklah diluluskan didalam mesyuarat agung oleh ahli-ahli yang hadir dengan suara terbanyak, akan tetapi pindaan kepada undang-undang yang akan mengurangkan bantuan yang ditetapkan dalam undang-undang ini hanya boleh dibuat dengan persetujuan tiga perempat daripada jumlah ahli-ahli pertubuhan dengan cara undi sulit.
- (2) Permohonan untuk perubahan atau pindaan hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan didalam masa 28 hari dari tarikh keputusan hendak membuat perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Fasal 23 **PERTUKARAN NAMA PERTUBUHAN**

Tertakluk kepada Seksyen 11, Akta Pertubuhan 1966, nama pertubuhan ini tidak boleh diubah melainkan dengan suatu ketetapan khas, iaitu :

- (1) Diluluskan dengan lebih suara yang tidak kurang daripada 3/4 daripada bilangan ahli berdaftar yang berhak mengundi dan yang hadir pada suatu mesyuarat agung berkenaan dengannya notis menyatakan maksud hendak mencadangkan ketetapan itu telah sempurna diberikan; dan
- (2) Disahkan dengan lebih suara ahli-ahli yang berhak mengundi dan yang hadir pada suatu mesyuarat agung yang kemudiannya yang berkenaan dengan notis telah sempurna diberi,

yang diadakan tidak kurang daripada 14 hari dan tidak lebih daripada sebulan daripada hari mesyuarat dimana ketetapan itu mula-mula telah diluluskan.

Fasal 24 **PEMBUBARAN**

- (1) Pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan persetujuan 3/4 daripada ahli-ahli pertubuhan ini didalam mesyuarat agung yang diadakan khas untuknya.
- (2) Apabila keputusan telah diambil untuk membubarkan pertubuhan ini, maka segala hutang dan piutang yang sah hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut keputusan mesyuarat agung untuk membubarkan pertubuhan ini.
- (3) Pembubaran itu hendaklah diberitahu kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pembubaran.

Fasal 25 **LAMPIRAN**

1. Bendera

Keterangan :

-

2. Lambang

Keterangan:

-

3. Lencana

Keterangan Lencana:

-